

## **GARIS PANDUAN SAMBUTAN HARI RAYA KETIKA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) COVID-19**

1. Berdasarkan perkembangan semasa COVID-19, pihak kerajaan telah melanjutkan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) sehingga 9 Jun 2020. Menurut Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, sekalipun tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) ini tamat, perhimpunan ramai perlu dielakkan dalam tempoh enam bulan hingga setahun. Justeru, beberapa perkara berkaitan ibadah perlu dititik beratkan termasuk kaedah sambutan hari raya ketika PKPB masih berkuatkuasa.
2. Solat hari raya merupakan sebahagian daripada syiar Islam. Rasulullah SAW tidak pernah meninggalkannya sejak mula ia disyariatkan, sehinggalah Baginda wafat. Perkara tersebut diteruskan oleh para sahabat Baginda SAW, sehingga ke hari ini. Solat hari raya tidak wajib berdasarkan beberapa hadis sahih dari Rasulullah SAW. Antarannya Rasulullah SAW bersabda kepada seorang yang bertanya tentang solat yang difardukan:

...خَمْسُ صَلَوَاتٍ فِي الْيَوْمِ وَاللَّيْلَةِ. فَقَالَ: هَلْ عَلَيَّ غَيْرُهَا؟ قَالَ: لَا، إِلَّا أَنْ تَطَّوَعَ...

Maksudnya: ...*“Lima solat sehari semalam. Baginda ditanya lagi: Adakah wajib atasku selain daripada itu?, Baginda menjawab: Tidak, kecuali engkau ingin mengerjakan solat sunat”*...

(Sahih al-Bukhari, hadis no.46)

## **PANDUAN SAMBUTAN HARI RAYA KETIKA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT(PKPB) COVID-19**

### **i. Panduan Solat Hari Raya Aidilfitri Dalam Tempoh PKPB**

Berikut adalah kaedah solat hari raya Aidilfitri dalam tempoh PKPB;

- (a) Solat sunat hari raya hendaklah dilaksanakan di rumah masing- masing;
- (b) Solat sunat hari raya boleh dilaksanakan tanpa atau dengan khutbah mengikut kemampuan dan kesesuaian;
- (c) Hanya dibenarkan berjamaah dalam kalangan ahli keluarga dalam rumah tersebut sahaja;
- (d) Ahli keluarga yang baru sembuh dari COVID-19 dan yang diarahkan untuk kuarantin di rumah tidak dibenarkan menyertai solat sunat secara berjamaah;
- (e) Walau bagaimanapun, kedua-dua individu dalam kategori tersebut boleh melaksanakan solat sunat hari raya secara bersendirian.
- (f) Pesakit dan petugas di hospital dibenarkan melaksanakan solat sunat hari raya tertakluk kepada peraturan dan arahan yang ditetapkan oleh pihak KKM;
- (g) Bagi petugas yang diamanahkan bertugas di surau / masjid, mereka boleh melaksanakan solat sunat hari raya tertakluk kepada pekeliling dan arahan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Agama Negeri.

### **ii. Panduan Takbir Hari Raya Aidilfitri**

Berikut adalah panduan takbir yang perlu diberikan perhatian oleh para masyarakat;

- (a) takbir raya merupakan syiar Islam yang disunatkan untuk dilakukan bermula terbenam matahari pada hari terakhir Ramadan dan berpanjangan sehingga solat hari raya dilaksanakan;

- (b) takbir raya di masjid atau surau hanya dilaksanakan oleh imam, bilal dan siak sahaja atau dengan menggunakan rakaman;
- (c) digalakkan untuk setiap keluarga melaungkan takbir di rumah masing-masing;
- (d) takbir dari rumah ke rumah pada malam hari raya adalah tidak dibenarkan;
- (e) adalah disyorkan kepada pihak penyiaran untuk menyiarkan takbir hari raya dengan lebih kerap dan meluas.

### **iii. Panduan Amalan Tradisi Menyambut Aidilfitri**

Berikut adalah panduan menyambut hari raya melibatkan adat dan tradisi masyarakat sepanjang tempoh PKP;

- (a) amalan tradisi ziarah menziarahi untuk bersilatullahim dibuat hanya dengan menggunakan alat komunikasi dan media sosial sebagai pengganti diri;
- (b) rumah terbuka Aidilfitri tidak boleh dibuat bagi mengelakkan penularan wabak penyakit;
- (c) amalan menziarahi kubur pada hari raya tidak dibenarkan dan hendaklah dielakkan;
- (d) amalan tradisi membuat dan menghadaikan kuih-muih sempena hari raya boleh dibuat. Namun demikian, ianya perlu dibuat dengan tatacara yang bersesuaian dengan perintah keselamatan dan taklimat kesihatan.

### **iv. Panduan Hiburan di Hari Raya**

Dalam suasana COVID-19, umat Islam hendaklah berhati-hati dalam meraikan sambutan hari raya dengan melakukan sebarang aktiviti yang bermanfaat dan menepati syarak. Sebarang bentuk hiburan yang melalaikan serta menjauhi batasan syarak hendaklah dijauhan.

Disediakan oleh:

Jabatan Mufti Negeri Perak